

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**ANALISIS PRAKTIS SEMASA  
DALAM E-DAGANG MENURUT  
PERSPEKTIF SYARIAH**

**ROSHAIMIZAM BIN SUHAIMI**

Tesis yang dikemukakan  
bagi memenuhi keperluan untuk ijazah  
**Doktor Falsafah**  
**(Pengajian Islam Kontemporari)**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Disember 2018**

## **PERAKUAN PANEL PEMERIKSA**

Saya sahkan bahawa Panel Pemeriksa yang telah bermesyuarat pada 4 Oktober 2018 untuk mengendalikan peperiksaan akhir Roshaimizam bin Suhaimi bagi tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk "Analisis Praktis Semasa Dalam E-Dagang Menurut Perspektif Syariah" berdasarkan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Panel Pemeriksa telah mencadangkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Panel Pemeriksa adalah seperti berikut:

Huzaimah Binti Ismail, PhD  
Profesor Madya  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Universiti Teknologi MARA  
(Pengerusi)

Mohd Faiz Bin Mohamed Yusof, PhD  
Pensyarah Kanan  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Universiti Teknologi MARA  
(Pemeriksa Dalam)

Muhammad Ridhwan Bin Ab. Aziz, PhD  
Profesor Madya  
Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM)  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
(Pemeriksa Luar)

Ridwan Bin Nurdin, PhD  
Pensyarah  
Fakulti Ekonomi dan Bisnis  
Universitas Syiah Kuala (UNSYIAH)  
Banda Aceh, Republik Indonesia  
(Pemeriksa Luar)

**PROF SR TS DR HJ ABDUL HADI HJ  
NAAWI**  
Dekan  
Institut Pengajian Siswazah  
Universiti Teknologi MARA  
Tarikh : 3 Disember 2018

## ABSTRAK

E-dagang adalah satu bentuk transaksi perdagangan moden yang dilaksanakan secara elektronik. Kelainan praktis dalam kontrak e-dagang memerlukan kewujudan parameter yang komprehensif, jelas dan praktikal bagi memastikan kontrak ini mematuhi prinsip syariah. Ini kerana parameter yang lengkap dan jelas masih belum dihasilkan oleh mana-mana kajian yang mendorong kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk membangunkan parameter kontrak e-dagang berlandaskan prinsip syariah sebagai panduan kepada pihak yang terlibat khususnya penjual dan pembeli. Kajian berbentuk kualitatif dan kuantitatif ini menggunakan kaedah reka bentuk dan pembangunan (DDR) diperkenalkan oleh Richey dan Klein (2010) dibahagikan kepada tiga fasa meliputi fasa analisis, fasa reka bentuk dan pembangunan dan fasa penilaian. Fasa analisis melibatkan penelitian terhadap praktis semasa dalam kontrak e-dagang bagi membentuk komponen utama parameter serta meneliti keperluan pembentukan parameter ini berdasarkan kaedah kajian literatur, dokumen dan temu bual. Fasa reka bentuk dan pembangunan melibatkan penentuan dimensi dan item parameter dengan menerima pakai kaedah kajian literatur dan temu bual yang seterusnya disahkan melalui kesepakatan 12 pakar muamatul melalui kaedah *Fuzzy Delphi*. Analisis data FDM berdasarkan kesepakatan terhadap item parameter oleh kumpulan pakar menggunakan nilai *threshold* (*d*), peratus kesepakatan pakar dan pernomboran *fuzzy*. Fasa terakhir iaitu fasa penilaian melibatkan responden pengguna terdiri daripada penjual dan pembeli seramai 284 orang untuk mengesahkan parameter kontrak e-dagang yang telah dibangunkan. Fasa ini dilaksanakan analisis univariat berdasarkan nilai min dan taburan kekerapan serta analisis nilai kebolehpercayaan dan analisis faktor. Dapatkan fasa analisis menunjukkan praktis semasa yang perlu dijadikan kerangka pembangunan parameter adalah pembentukan kontrak, pelaksanaan kontrak dan pelindungan kontrak. Manakala, dapatkan fasa reka bentuk dan pembangunan telah membangunkan parameter yang merangkumi tiga dimensi dan 28 item. Dimensi parameter ini terdiri daripada pihak berkontrak, produk dan harga dan *sighah* kontrak. Lapan item terkandung dalam dimensi pihak berkontrak, sembilan item dalam dimensi produk dan harga serta sebelas item dalam dimensi *sighah* kontrak. Analisis FDM menunjukkan 28 item ini mematuhi tiga syarat analisis FDM dengan nilai *threshold* (*d*)  $\leq 0.2$ , peratus kesepakatan pakar  $\geq 75\%$  dan pernomboran *fuzzy* (nilai  $\alpha$ -cut = 0.5). Dapatkan fasa penilaian pula, menunjukkan analisis univariat berdasarkan nilai min dan taburan kekerapan yang memuaskan. Ini disokong oleh nilai Cronbach's alpha yang diterima bagi konstruk instrumen kajian dengan dimensi pihak berkontrak (0.722), produk dan harga (0.884) dan *sighah* kontrak (0.908). Penilaian ini dikukuhkan dengan nilai KMO dimensi pihak berkontrak (0.778), dimensi produk dan harga dengan nilai KMO (0.867) dan dimensi *sighah* kontrak dengan nilai KMO (0.903). Seterusnya, analisis faktor beban menunjukkan semua item melebihi nilai pemberat yang diperlukan bagi penerimaan sesuatu item dalam instrumen kajian. Rumusannya, pembangunan parameter ini telah dinilai dan disahkan oleh 12 pakar muamatul dan kajian lapangan melibatkan 284 orang responden yang boleh dicadangkan kepada pihak-pihak terlibat antaranya JAKIM dan KPDKKK untuk dijadikan garis panduan khusus pelaksanaan kontrak e-dagang. Selain itu, kajian lanjutan boleh dilaksanakan bagi menilai aspek kebolehlaksanaan atau keberkesanan parameter yang telah dibangunkan ini.

## ISI KANDUNGAN

	<b>Mukasurat</b>
<b>PERAKUAN PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>PERAKUAN PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xvi</b>
<b>SENARAI TRANSLITERASI</b>	<b>xvii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xx</b>
<b>JADUAL KES</b>	<b>xxii</b>
<b>BAB SATU: PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	12
1.3.1 Ketidakjelasan Kepatuhan Syariah Praktis Semasa Dalam Kontrak E-Dagang	12
1.3.2 Ketiadaan Panduan Menyeluruh Kontrak E-Dagang Berdasarkan Syariah	14
1.4 Persoalan Kajian	17
1.5 Objektif Kajian	18
1.6 Rasional dan Signifikan Kajian	18
1.7 Limitasi dan Skop Kajian	21
1.8 Kerangka Teori dan Konseptual	23
1.8.1 Teori Kontrak Jual Beli	23
1.8.1.1 <i>Rukun Kontrak Jual Beli</i>	24
1.8.1.2 <i>Syarat-Syarat Sah Jual Beli</i>	28
1.8.1.3 <i>Kontrak Bay' al-Salam</i>	30
1.8.1.4 <i>Pelindungan Kontrak</i>	32

## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Perkembangan dan kepesatan teknologi maklumat hari ini telah membawa pelbagai manfaat kepada manusia secara keseluruhannya. Ini termasuklah kemunculan perniagaan yang berasaskan dalam talian atau dikenali sebagai e-dagang. Transaksi perniagaan yang berasaskan elektronik melalui perantaraan komputer, telefon pintar dan rangkaian talian internet memberikan kemudahan dan kelebihan kepada kehidupan manusia. Urusan untuk membeli barang atau mendapatkan perkhidmatan boleh dilakukan sepanjang masa tanpa terikat dengan sempadan masa dan tempat. Teknologi e-dagang yang meliputi pencarian barang, perkhidmatan dan maklumat, pengiklanan dan pembelian, penjualan dan pembayaran bagi bayaran atau perkhidmatan yang dilanggan tersebut (Syed Shah Alam, A. Ali Khatibi, Hishamuddin Ismail, & Ismail Ahmad, 2005). Transaksi ini juga meliputi transaksi barang berbentuk fizikal atau maklumat, pemasaran, pembayaran dan khidmat penyerahan, khidmat selepas jualan dan nasihat perundangan (Jebur & Roghanian, 2012).

Kemunculan e-dagang yang menggunakan perantaraan seperti komputer, telefon pintar dengan disokong oleh rangkaian internet mendatangkan banyak manfaat kepada kesenangan hidup manusia. E-dagang telah merubah aktiviti perdagangan secara fizikal kepada kaedah elektronik atau dalam talian seperti pengeluaran wang tunai menerusi mesin wang automatik (ATM), pembayaran produk menggunakan kad debit atau kad kredit dan permohonan pinjaman bank menerusi perbankan telefon atau internet. Kini, transaksi sebegini bukanlah sesuatu yang luar biasa, bahkan ianya menjadikan urusan perniagaan tidak lagi terikat dengan sempadan geografi dan masa. Di samping itu, e-dagang telah menukar bentuk pasaran fizikal berkonseptan pameran barang dan perkhidmatan kepada bentuk maklumat produk semata-mata yang dipamerkan menerusi paparan skrin peralatan elektronik. Segala maklumat mengenai produk yang ditawarkan oleh pengeluar boleh dicapai secara elektronik oleh pembeli tanpa perlu menghabiskan tenaga, masa dan wang untuk ke bangunan-bangunan kedai atau pasar raya bagi menjalankan transaksi perdagangan.